



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**INSENTIF CUKAI BAGI PROGRAM
KEPULANGAN PAKAR**

KETETAPAN UMUM NO. 1/2026

TARIKH PENERBITAN: 16 MAC 2026



**INSENTIF CUKAI BAGI PROGRAM
KEPULANGAN PAKAR**

**Ketetapan Umum No. 1/2026
Tarikh Penerbitan: 16 Mac 2026**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Diterbitkan oleh:

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama pada 2 Mei 2018

© 2026 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Program Kepulangan Pakar	2
5. Syarat-syarat Kelayakan bagi Permohonan Insentif	3
6. Insentif Cukai	6
7. Pengiraan Cukai	15
8. Borang Nyata Cukai Pendapatan bagi Pekerja Berkepakaran Yang Bermastautin	19
9. Memilih Keluar daripada Insentif PKP	19
10. Menamatkan Penggajian di Malaysia	19
11. Pindaan dan Pengemaskinian	20
12. Penafian	21

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menjelaskan layanan cukai ke atas insentif cukai berhubung dengan Program Kepulangan Pakar (PKP) untuk menarik rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara sebagai seorang profesional untuk kembali bekerja di Malaysia.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2 dan 13, subseksyen 45(2) dan Bahagian XV Jadual 1.
- 2.3 Perundangan subsidiari berkaitan yang dirujuk dalam KU ini adalah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Penentuan Individu yang Diluluskan dan Tahun Taksiran yang Ditentukan di bawah Program Kepulangan Pakar) 2012 [P.U.(A) 151/2012] dan pindaan kepada [P.U.(A) 151/2012] yang dibuat melalui pewartaan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan [Penentuan Individu yang Diluluskan dan Tahun Taksiran yang Ditentukan di bawah Program Kepulangan Pakar] (Pindaan) 2021 [P.U.(A) 147/2021] dan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan [Penentuan Individu yang Diluluskan dan Tahun Taksiran yang Ditentukan di bawah Program Kepulangan Pakar] (Pindaan) 2024 [P.U.(A) 45/2024].

3. Tafsiran

Istilah yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Bermastautin” bermaksud bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran (TT) seperti yang ditentukan di bawah seksyen 7 ACP.
- 3.2 “Jumlah pendapatan” berhubung dengan seseorang dan suatu tahun taksiran, bermaksud jumlah pendapatan yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.3 “Pendapatan bercukai” berhubung dengan seseorang dan suatu TT, bermaksud pendapatan bercukai yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.4 “Penggajian” bermaksud:
 - (a) penggajian, di mana terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan;

- (b) mana-mana pelantikan atau perjawatan, sama ada awam atau sebaliknya dan sama ada atau tidak terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan, yang mana saraan kena dibayar.
- 3.5 “Program Kepulangan Pakar” bermaksud suatu program yang diuruskan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad dan diluluskan oleh Kerajaan.
- 3.6 “Tahun taksiran yang ditentukan” bermaksud:
 - (a) lima tahun taksiran yang berturut-turut bermula dari tempoh asas bagi suatu tahun taksiran suatu pilihan dibuat oleh seorang individu yang diluluskan untuk tertakluk kepada cukai di bawah Bahagian XV Jadual 1 ACP; dan
 - (b) pilihan itu hendaklah dibuat dalam tahun taksiran atau tahun taksiran yang berikutnya yang mana individu yang diluluskan itu pulang ke Malaysia.
- 3.7 “Talent Corporation Malaysia Berhad” bermaksud suatu syarikat berhad menurut jaminan:
 - (a) yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] dengan nombor pendaftarannya 919577-H dan bermastautin di Malaysia; dan
 - (b) yang mempromosi dan memudahkan kepulangan mana-mana warganegara Malaysia yang bekerja sebagai seorang profesional di luar negara dan mewujudkan tenaga kerja pakar yang boleh dikekalkan di Malaysia di bawah PKP.

4. Program Kepulangan Pakar

- 4.1 Pekerja berkemahiran tinggi memainkan peranan penting bagi inovasi dan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Oleh itu, tidak hairanlah bahawa penghijrahan bakat global telah menjadi kebimbangan utama yang mengakibatkan sindrom ‘*brain drain*’ di sesetengah negara membangun, yang membawa kepada peningkatan persaingan di kalangan negara untuk menarik dan mengekalkan mereka.
- 4.2 Sehubungan itu, Malaysia telah memperkenalkan PKP untuk menarik warganegara Malaysia yang bekerja di luar negara untuk kembali berkhidmat di Malaysia dalam bidang-bidang kepakaran tertentu untuk menyumbang kepada pembangunan negara.

- 4.3 PKP telah ditadbir urus oleh Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp), sebuah agensi kerajaan mulai 1 Januari 2011 mengikut undang-undang yang terpakai kepada individu yang penggajiannya bermula pada atau selepas 1 Mei 2011. Individu yang mendapat kelulusan di bawah PKP ini layak menikmati kadar cukai rata pilihan sebanyak 15% atas pendapatan bercukai daripada penggajian bagi tempoh 5 tahun taksiran berturut-turut bermula dari tahun taksiran pertama yang dipilih oleh individu tersebut. Maklumat lanjut mengenai TalentCorp dan Garis Panduan Komprehensif bagi PKP boleh didapati di portal MyHeart-REP www.myheart.my.

5. Syarat-syarat Kelayakan untuk Permohonan Insentif

- 5.1 Untuk mendapat kelulusan bagi kadar cukai pilihan seperti yang dinyatakan dalam perenggan 4.3 dalam KU ini, individu itu hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:
- (a) merupakan warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia;
 - (b) telah membuat suatu permohonan di bawah PKP dan permohonan itu telah diluluskan oleh Menteri untuk pemohon tertakluk kepada cukai di bawah Bahagian XV Jadual 1 ACP dan permohonan itu telah dibuat pada atau selepas 12 April 2011 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2027;
 - (c) merupakan seorang pakar dalam bidang yang ditentukan oleh Menteri;
 - (d) tidak pernah memperoleh apa-apa pendapatan penggajian di Malaysia sekurang-kurangnya bagi tempoh berturut-turut selama 36 bulan sebelum tarikh permohonan yang dibuat di bawah perenggan (b); dan
 - (e) tidak pernah diluluskan permohonan PKP.

Lain-lain syarat yang ditetapkan oleh Menteri adalah seperti berikut:

- (i) Permohonan PKP hendaklah dikemukakan semasa pemohon masih menetap dan bekerja di luar negara;
- (ii) Pendapatan penggajian hendaklah diterima daripada mana-mana orang yang bermastautin di Malaysia;
- (iii) Tidak terikat secara kewangan atau undang-undang dengan syarikat atau agensi kerajaan lain untuk kembali berkhidmat di Malaysia; dan

- (iv) Tidak mempunyai ikatan biasiswa atau bayaran pinjaman yang tertunggak dengan Kerajaan Malaysia atau agensinya.

Setelah memenuhi syarat-syarat di atas, individu tersebut dianggap sebagai individu yang diluluskan.

Contoh 1 : Tidak memperoleh pendapatan penggajian di Malaysia sekurang-kurangnya bagi tempoh berturut-turut selama 36 bulan sebelum tarikh permohonan

En. Kasmuri telah berkhidmat dengan KSP Petroleum Berhad selama 10 tahun. Pada 1/6/2022, En. Kasmuri telah berhijrah ke Riyadh Oil Ltd yang berpangkalan di Saudi Arabia. Namun selepas 3 tahun di perantauan, En. Kasmuri tertarik dengan insentif PKP yang ditawarkan oleh Kerajaan Malaysia dan mengambil keputusan untuk kembali berkhidmat di Malaysia. Pada 1/12/2025, En. Kasmuri telah memohon insentif PKP dan telah mendapat tawaran untuk berkhidmat di Shore Petrochemical Bhd. Semakan mendapati En. Kasmuri ada menerima *Employee Share Option Scheme* (ESOS) daripada KSP Petroleum Bhd pada tahun 2023.

Permohonan insentif PKP oleh En. Kasmuri masih boleh dipertimbangkan walaupun menerima ESOS dalam tahun 2023 kerana bayaran tersebut yang diterima adalah berkaitan dengan perkhidmatan beliau yang terdahulu yang berakhir dalam tahun 2022.

- 5.2 Tertakluk kepada perenggan 3.5 dan 5.1(c) dalam KU ini, bidang kepakaran yang akan dipertimbangkan untuk PKP adalah bidang/industri yang diiktiraf di bawah *National Key Economics Areas* (NKEA) seperti berikut:

Bil.	Bidang/Industri
1.	Minyak, Gas dan Tenaga
2.	Perkhidmatan Perniagaan
3.	Perkhidmatan Kewangan

4.	Penjagaan Kesihatan
5.	Komunikasi dan Infrastruktur
6.	Elektronik dan Elektrikal
7.	Pendidikan
8.	Pemborongan dan Peruncitan
9.	Pelancongan
10.	Pertanian
11.	Minyak Kelapa Sawit dan Getah
12.	<i>Greater Kuala Lumpur/Klang Valley</i>

5.3 Bagi pemohon yang telah bekerja di luar negara dan ingin kembali berkhidmat di Malaysia dengan syarikat di bawah kumpulan yang sama, pemohon perlu memenuhi kriteria berikut:

- (a) Telah berkhidmat dengan syarikat dalam kumpulan yang sama di luar negara sekurang-kurangnya lima (5) tahun;
- (b) Tidak ditugaskan ke luar negara atas sebab *assignment, secondment or project basis*;
- (c) Perkhidmatan di luar negara adalah di bawah *direct-hire scheme* oleh entiti luar negara;

- (d) Gaji dibayar oleh entiti luar negara dan dalam matawang negara di mana entiti tersebut berpangkalan; dan
- (e) Tidak terikat secara kewangan atau undang-undang untuk kembali berkhidmat di Malaysia di bawah kumpulan syarikat yang sama setelah selesai tugas di luar negara.

Contoh 2: Tidak ditugaskan ke luar negara atas sebab *assignment, secondment or project basis*

En. Jeremy Lho telah dilantik sebagai seorang akauntan di syarikat induk LLB Plantation Bhd di Malaysia sejak tahun 2019. Pada tahun 2020, beliau telah dihantar bertugas di syarikat berkaitan PT Minami Plantation di Indonesia sebagai Eksekutif Kewangan dan telah menetap di Indonesia. Pada tahun 2025, beliau ingin memohon insentif PKP dan mendakwa majikan beliau adalah PT Minami Plantation serta tidak terikat untuk kembali bertugas di Syarikat LLB Plantation Bhd. Beliau juga mendakwa gaji beliau dibayar oleh PT Minami Plantation dalam matawang Rupiah dan pendapatan beliau adalah tertakluk kepada cukai pendapatan di Indonesia.

Permohonan En. Jeremy Lho tidak layak dipertimbangkan untuk insentif PKP kerana secondment beliau di PT Minami Plantation di Indonesia dianggap sampingan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia.

6. Insentif Cukai

- 6.1 Individu yang diluluskan boleh memilih untuk dikenakan kadar cukai rata sebanyak 15% ke atas pendapatan bercukai daripada penggajian seperti yang diperuntukkan di bawah Bahagian XV Jadual 1 ACP.
- 6.2 Selepas permohonan diluluskan, pemohon mempunyai tempoh selama dua (2) tahun untuk kembali ke Malaysia bagi memulakan tugas dan seterusnya mendapatkan Surat Akuan Tarikh Kembali (SATK) daripada TalentCorp untuk menuntut insentif PKP ini.
- 6.3 Individu yang diluluskan mempunyai pilihan untuk menuntut insentif kadar cukai rata 15% bermula dalam tahun taksiran di mana beliau kembali ke Malaysia atau dalam tahun taksiran berikutnya. Sekiranya beliau tidak membuat pilihan dalam tempoh tersebut, beliau dianggap menolak insentif PKP.
- 6.4 Tempoh masa kelayakan menikmati kadar cukai rata 15% ini adalah selama lima (5) tahun taksiran berturut-turut dari tahun taksiran pertama individu diluluskan membuat pilihan untuk menuntut insentif ini.

Contoh 3 : Pilihan insentif pada tahun kembali ke Malaysia

Dr. Azlisham, seorang pakar radiologi, telah mendapat kelulusan di bawah PKP. Beliau kembali ke Malaysia pada 15/6/2024 dan memulakan penggajian pada 1/7/2024 dengan gaji sebanyak RM50,000 sebulan. Beliau perlu membuat pilihan tahun untuk insentif cukai itu bermula dalam tempoh 2 tahun dari tarikh kembali. Oleh sebab jumlah pendapatan beliau dalam tahun 2024 adalah tinggi, maka beliau memilih untuk melaksanakan insentif dalam tahun pertama kembali ke Malaysia iaitu Tahun Taksiran (TT) 2024.

Untuk tujuan pelaksanaan tersebut, Dr. Azlisham perlu memaklumkan majikan beliau dengan mengemukakan SATK untuk membuat Potongan Cukai Berjadual (PCB) pada kadar 15% mulai dari bulan Julai 2024 untuk TT 2024. Dr. Azlisham tidak perlu menghantar salinan surat tersebut kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) tetapi beliau perlu menyimpan satu salinan untuk rekod peribadi dan tujuan audit oleh LHDNM. Dengan itu, tempoh insentif lima tahun taksiran bermula dari TT 2024 ke TT 2028.

Contoh 4 : Pilihan insentif pada tahun berikutnya

Profesor Ramesh, seorang pensyarah terkemuka dalam bidang pendidikan, kembali ke Malaysia pada 1/7/2025 setelah mendapat kelulusan di bawah PKP. Beliau memulakan perkerjaan pada 1/8/2025 dengan gaji sebanyak RM15,000 sebulan. Memandangkan jumlah pendapatan Profesor Ramesh untuk tahun 2025 adalah RM75,000 untuk tempoh 5 bulan sahaja maka adalah lebih manfaat (jumlah cukai kena dibayar dalam tempoh 5 tahun lebih rendah) sekiranya beliau memilih untuk memulakan tempoh insentif lima tahun taksiran mulai tahun taksiran 2026 kerana pendapatannya adalah lengkap 12 bulan dalam tahun taksiran tersebut.

Dalam TT 2025, Profesor Ramesh hendaklah memaklumkan majikan beliau untuk membuat PCB mengikut Jadual PCB LHDNM. Bagi TT 2026 pula, beliau perlu memberitahu majikan beliau dengan mengemukakan SATK untuk membuat PCB pada kadar cukai rata 15%. Profesor Ramesh tidak perlu menghantar salinan surat tersebut kepada LHDNM tetapi beliau perlu menyimpan satu salinan untuk rekod peribadi dan tujuan audit oleh LHDNM. Oleh itu, tempoh insentif bagi Profesor Ramesh adalah dari TT2026 ke TT2030.

6.5 Kadar cukai rata 15% berbanding kadar skala

Contoh 5 : Kadar cukai rata 15% adalah lebih baik daripada kadar skala

Fakta adalah sama seperti di Contoh 3 dan isteri Dr. Azlisham tidak bekerja dan mereka mempunyai 2 orang anak berumur di bawah 18 tahun. Pelepasan caruman wajib kepada KWSP yang layak dituntut pada amaun maksimum.

Berikut adalah perbandingan kadar cukai yang berdasarkan insentif PKP dan kadar cukai skala iaitu tanpa insentif PKP bagi TT 2024:

Pendapatan (RM)		Pengiraan Cukai (RM)	
		Kadar Cukai Rata 15%	Kadar Skala
Penggajian (Julai-Disember)	300,000	279,000@15%= 41,850	100,000 pertama=9,400 179,000@25%=44,750
Tolak : Pelepasan	21,000		
Pendapatan Bercukai	279,000		
Jumlah cukai dikenakan		41,850	54,150
Penjimatan		54,150 - 41,850 = 12,300	

Dr. Azlisham mendapat penjimatan cukai untuk TT 2024 sebanyak RM12,300 jika memilih kadar cukai rata 15%.

Contoh 6 : Kadar skala adalah lebih baik daripada kadar cukai rata 15%

Fakta adalah sama seperti di Contoh 4 dan isteri Profesor Ramesh tidak bekerja dan mereka mempunyai 2 orang anak berumur di bawah 18 tahun. Pelepasan caruman wajib kepada KWSP yang layak dituntut pada amaun maksimum.

Pendapatan TT 2024 (RM)		Pengiraan Cukai (RM)	
		Kadar Cukai Rata 15%	Kadar Skala
Penggajian	75,000	54,000@15%=8,100	50,000 pertama=1,500
Tolak : Pelepasan	21,000		Baki 4,000@11%=440
Pendapatan Bercukai	54,000		
Jumlah cukai dikenakan		8,100	1,940
Kerugian		8,100 - 1,940 = 6,160	

Dalam kes ini, Profesor Ramesh mendapat penjimatan cukai sebanyak RM6,160 sekiranya beliau memilih dicukai pada kadar skala bagi TT 2024.

Oleh itu, individu yang diluluskan perlu membuat pilihan dengan tepat bagi memastikan beliau mendapat manfaat penjimatan cukai jika memilih untuk dicukai pada kadar cukai rata 15%.

6.6 Pendapatan penggajian melebihi daripada satu sumber.

Dalam keadaan di mana seseorang individu menjalankan pekerjaan tambahan dalam bidang yang diluluskan dan punca pendapatan tersebut juga adalah pendapatan penggajian, kadar cukai rata 15% terpakai ke atas kedua-dua pendapatan penggajian.

Contoh 7

Fakta adalah sama seperti di Contoh 3 dan dalam tahun 2024, Dr.Azlisham telah bekerja sebagai doktor *locum* di klinik swasta pada waktu malam.

Pendapatan penggajian sebagai doktor *locum* juga layak dikenakan cukai pada kadar cukai rata 15%.

6.7 Bertukar majikan

Sekiranya seseorang individu bertukar pekerjaan dalam tempoh insentif, apa-apa pendapatan penggajian yang diterima dalam tempoh insentif tertentu masih layak dikenakan cukai pada kadar cukai rata 15%, dengan syarat pekerjaan baharu itu harus selaras dengan kepakarannya seperti yang diluluskan di bawah insentif PKP.

Contoh 8

En. Chee, seorang jurutera telah mendapat kelulusan di bawah insentif PKP dan memulakan penggajian dengan PTA Industries (M) Sdn Bhd pada 1/8/2022. Beliau telah memilih TT 2023 sebagai tahun permulaan tempoh insentif. Oleh itu, tempoh insentif adalah dari TT 2023 hingga TT 2027. Beliau telah bertukar majikan (pemastautin di Malaysia) dalam bidang yang sama pada 1/3/2024.

Kadar cukai rata 15% masih terpakai atas pendapatan penggajian yang diterima daripada majikan baharu walaupun terdapat dua majikan yang berbeza dalam tempoh lima TT berturut-turut tersebut.

Contoh 9

Fakta adalah sama dengan Contoh 8 kecuali majikan baharu En. Chee adalah bukan pemastautin di Malaysia.

Oleh itu, En. Chee tidak layak untuk menikmati kadar cukai rata 15% bagi pendapatan penggajian yang diterima daripada majikan baharu yang bukan pemastautin di Malaysia dan tempoh lima TT berturut-turut bagi insentif ini dianggap tamat berkuat kuasa dari 1/3/2024.

Contoh 10

En. Anand, seorang eksekutif pemasaran, telah memperoleh kelulusan di bawah PKP untuk tempoh 5 tahun bermula dari TT 2021 hingga TT 2025. Beliau memulakan pekerjaannya dengan GKMP (M) Sdn Bhd pada 1/1/2021. Pada 1/9/2022, beliau telah melanjutkan pengajian dalam bidang undang-undang di Universiti Malaya sebagai pelajar sambilan. Selepas menamatkan pengajiannya pada 15/7/2024, beliau memutuskan untuk menukar pekerjaannya dan bekerja dengan Hashim Ibramsha & Co. sebagai peguam pada 1/10/2024.

En. Anand tidak layak menikmati kadar cukai rata 15% bagi pendapatan penggajian yang diterima dari pekerjaan baharunya untuk tempoh 3 bulan dari Oktober hingga Disember 2024 kerana pekerjaan baharunya tidak selaras dengan kepakarannya seperti yang diluluskan di bawah insentif PKP dan tempoh insentif yang ditentukan dianggap luput berkuat kuasa dari 1/10/2024.

- 6.8 Individu diluluskan PKP memulakan perniagaan dan menjadi pengarah syarikat persendirian

Dalam keadaan di mana seseorang individu yang telah diluluskan insentif PKP telah menubuhkan sebuah syarikat dan bertindak sebagai pengarah syarikat tersebut serta menerima pendapatan penggajian, insentif PKP yang diluluskan tersebut masih terpakai dengan syarat aktiviti perniagaan adalah selaras dengan kepakarannya dan syarikat bermastautin di Malaysia.

Contoh 11

En. Raymond Chee, seorang individu yang telah diluluskan insentif PKP atas kepakaran dalam bidang perkhidmatan perniagaan pada 1/1/2022. Beliau telah membuat pilihan tahun pertama untuk menikmati insentif ini mulai TT 2022. Tempoh beliau menikmati insentif ini adalah mulai TT 2022 hingga TT 2026. Pada 1/1/2024 beliau telah menubuhkan sebuah syarikat logistik Raymond Chee Sdn Bhd dan memegang jawatan sebagai pengarah urusan serta menerima yuran pengarah daripada syarikat tersebut.

Insentif PKP yang diluluskan kepada En. Raymond Chee masih terpakai memandangkan beliau masih menerima pendapatan penggajian dan digajikan oleh syarikat yang bermastautin di Malaysia selaras dengan peruntukan di bawah P.U.(A) 151/2012.

6.9 Mempunyai punca pendapatan selain penggajian

Dalam keadaan di mana seseorang individu mempunyai pendapatan penggajian dan pendapatan bukan penggajian, contohnya pendapatan perniagaan dan sewa, perkadaran pendapatan bercukai daripada penggajian akan ditentukan berdasarkan perkadaran pendapatan penggajian kepada keseluruhan pendapatan agregat dan akan dikenakan cukai pada kadar 15%. Manakala perkadaran pendapatan bercukai bagi pendapatan bukan penggajian akan ditentukan berdasarkan perkadaran pendapatan bukan penggajian kepada keseluruhan pendapatan agregat dan akan dikenakan cukai pada kadar skala berdasarkan banjaran pendapatan bercukai yang terpakai.

Contoh 12

En. Hijaz Fansuri, seorang penasihat kewangan telah mendapat kelulusan di bawah insentif PKP dan mempunyai pendapatan penggajian sebanyak RM200,000 bagi TT 2024. Beliau juga mempunyai pendapatan sewa sebanyak RM50,000 bagi TT 2024. Pengiraan cukai En. Hijaz Fansuri bagi TT 2024 adalah seperti berikut :

Pendapatan (RM)		Pengiraan Cukai (RM)	
Penggajian	200,000	Penggajian	Lain-lain pendapatan
Sewa	50,000	$\frac{200,000}{250,000} \times 235,000$	$\frac{50,000}{250,000} \times 235,000$
Jumlah Pendapatan	250,000	= 188,000@15%*	= 47,000@25%*
Tolak : Pelepasan	15,000	= 28,200	= 11,750
Pendapatan Bercukai	235,000		
Jumlah Cukai Dikenakan		28,200 + 11,750 = 39,950	

* Dengan insentif PKP ini, pendapatan penggajian dikenakan cukai pada kadar cukai rata 15% dan pendapatan lain dikenakan cukai pada kadar skala (yang sepatutnya) seolah-olah individu itu tidak mendapat kelulusan PKP. Ini bermaksud, kadar cukai untuk lain-lain pendapatan tidak bermula pada kadar 0% tetapi mengikut kadar cukai bagi banjaran pendapatan cukai yang berkenaan.

Kadar cukai bagi Pendapatan Bercukai RM235,000

Untuk RM100,000 pertama – RM9,400

Untuk RM135,000 berikutnya – 25%

Oleh sebab jumlah RM47,000 jatuh dalam banjaran pendapatan bercukai berikutnya bagi RM135,000, jumlah RM47,000 dikenakan cukai pada kadar 25%.

6.10 Perbelanjaan yang berkaitan dengan pendapatan penggajian

Perbelanjaan tertentu (seperti perbelanjaan keraian dan perjalanan) secara langsung berkaitan dengan penghasilan pendapatan kasar daripada penggajian dan menjalankan tugas rasmi boleh diberi tolakan.

Dalam kes doktor pakar yang telah diberikan insentif cukai di bawah PKP iaitu kadar cukai keutamaan sebanyak 15%, apa-apa pembayaran kepada doktor *locum* tidak boleh ditolak dalam menentukan pendapatannya yang boleh dikenakan cukai yang tertakluk kepada kadar cukai keutamaan. Keadaan ini adalah selari dengan syarat yang dinyatakan bagi insentif PKP.

Contoh 13

Fakta adalah sama seperti dalam Contoh 3,5 dan 7. Pada tahun 2024, Dr. Azlisham menerima elaun keraian sebanyak RM5,000 setahun dan menanggung perbelanjaan seperti berikut dalam menjalankan profesionnya sebagai doktor pakar:

Bil	Perbelanjaan	Amaun (RM)
1.	Yuran Tahunan National Specialist Register (NSR)	1,000
2.	<i>Fi Annual Practising Certificate (APC)</i>	500
3.	Bayaran kepada Dr Brendan Gan (locum)	12,000
4.	Perbelanjaan keraian	2,000
Jumlah		15,500

Beliau ingin menuntut perbelanjaan sebanyak RM15,500 daripada pendapatan penggajian beliau.

Di bawah insentif PKP, Dr. Azlisham boleh menuntut dan diberi potongan untuk:

- (i) yuran tahunan sebanyak RM1,500 berhubung yuran NSR dan APC.
- (ii) perbelanjaan keraian sebanyak RM2,000. Baki elaun keraian sebanyak RM3,000 dikenakan cukai.

Pembayaran RM12,000 kepada doktor *locum* tidak boleh diberi tolakan.

7. Pengiraan Cukai

Pengiraan cukai bergantung kepada status taraf mastautin seseorang individu, kelas pendapatan dan jenis taksiran.

7.1 Taksiran berasingan

Contoh 14 : Individu diluluskan mempunyai satu punca pendapatan

Ir. Mahmud Zuhdi, seorang jurutera, telah mendapat kelulusan PKP pada 1/2/2024 dan kembali ke Malaysia pada 1/6/2024. Beliau telah memilih untuk melaksanakan insentif PKP mulai TT 2024. Isteri beliau memilih taksiran berasingan. Pendapatan yang diterima dalam TT 2024 adalah seperti berikut:

Pengiraan Cukai (RM)			
Suami		Isteri	
Penggajian	450,000	Penggajian	60,000
Tolak : Pelepasan	20,000	Tolak : Pelepasan	15,000
Pendapatan Bercukai	430,000	Pendapatan Bercukai	45,000

	$=430,000@15\%$ $= 64,500$		35,000 pertama = 600 Baki 10,000@6% = 600
Cukai dikenakan	64,500	Cukai dikenakan	1,200

Contoh 15 : Individu diluluskan mempunyai lebih daripada satu punca pendapatan

Fakta adalah sama seperti di Contoh 14 dan Ir. Mahmud Zuhdi mempunyai beberapa punca pendapatan selain daripada gaji. Isteri beliau masih memilih taksiran berasingan. Pengiraan cukai untuk suami dan isteri adalah seperti berikut :

Pendapatan (RM)		Pengiraan Cukai Suami (RM)	
		Pendapatan Penggajian	Lain-lain pendapatan
Penggajian	450,000	$\frac{450,000}{500,000} \times 480,000$ = 432,000@15% = 64,800	$\frac{50,000}{500,000} \times 480,000$ = 48,000@26% =12,480
Sewa	50,000		
Jumlah Pendapatan	500,000		
Tolak : Pelepasan	20,000		
Pendapatan Bercukai	480,000		
Jumlah cukai dikenakan		64,800 + 12,480 = 77,280	

Pendapatan RM		Pengiraan Cukai Isteri RM
Penggajian	60,000	35,000 pertama = 600 10,000 berikutnya @ 6% = 600
Tolak : Pelepasan	15,000	
Pendapatan Bercukai	45,000	
Jumlah cukai dikenakan		1,200

7.2 Taksiran Bersama

Bagi kes di mana isteri/suami mempunyai pendapatan penggajian dan memilih untuk taksiran bersama di bawah subseksyen 45(2) ACP, pendapatan isteri/suami perlu diambil kira dalam pendapatan agregat suami.

Contoh 16 : Individu diluluskan mempunyai satu punca pendapatan

Fakta adalah sama seperti di Contoh 14 dan isteri Ir.Mahmud Zuhdi telah memilih taksiran bersama di bawah subseksyen 45(2) ACP. Pengiraan cukai adalah seperti berikut:

Pendapatan (RM)		Pengiraan Cukai (RM)	
		Penggajian Suami	Penggajian Isteri
Penggajian suami	450,000	$\frac{450,000}{510,000} \times 486,000$ $= 428,824@15\%$ $= 64,324$	$\frac{60,000}{510,000} \times 486,000$ $= 57,176@26\%$ $= 14,866$
Penggajian isteri	60,000		
Jumlah Pendapatan	510,000		

Tolak : Pelepasan	24,000		
Pendapatan Bercukai	486,000		
Jumlah cukai dikenakan		64,324 + 14,866 = 79,190	

Contoh 17 : Individu diluluskan mempunyai lebih daripada satu punca pendapatan

Fakta adalah sama seperti di Contoh 15 dan isteri Ir. Mahmud Zuhdi telah memilih taksiran bersama di bawah subseksyen 45(2) ACP. Berikut adalah pengiraan cukai:

Pendapatan (RM)		Pengiraan Cukai (RM)	
		Pendapatan Penggajian Suami	Lain-lain Pendapatan
Penggajian Suami	450,000	$\frac{450,000}{560,000} \times 536,000$ $= 430,714@15\%$ $= 64,607$	$\frac{110,000}{560,000} \times 536,000$ $= 105,286@26\%$ $= 27,374$
Penggajian Isteri	60,000		
Sewa (Suami)	50,000		
Jumlah Pendapatan	560,000		
Tolak : Pelepasan	24,000		
Pendapatan Bercukai	536,000		
Jumlah cukai dikenakan		64,607 + 27,374 = 91,981	

8. Borang Nyata Cukai Pendapatan bagi Pekerja Berkepakaran Yang Bermastautin

Seseorang individu yang mendapat kelulusan insentif PKP dan memilih untuk melaksanakan insentif berkenaan, perlu menfaikan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) – Borang BT untuk melaporkan pendapatan beliau untuk suatu tempoh insentif yang ditentukan. Walau bagaimanapun, sekiranya pilihan tidak dibuat, beliau hendaklah melaporkan pendapatan dalam BNCP – Borang BE/B untuk TT berkenaan. Perenggan ini tidak terpakai bagi seseorang individu yang layak membuat pilihan untuk tidak mengemukakan BNCP untuk TT berkenaan di bawah Seksyen 77C ACP.

Contoh 18

Fakta adalah sama seperti di Contoh 3 dan 5 kecuali pada tahun 2025, Dr. Azlisham telah mengambil cuti tanpa gaji selama 6 bulan kerana menjaga ibunya yang sakit. Walaupun jumlah pendapatan Dr. Azlisham untuk tahun 2025 adalah RM100,000, beliau tidak boleh memilih untuk menggunakan kadar cukai berskala untuk TT 2025 kerana beliau masih berada dalam tempoh insentif PKP. Oleh itu, beliau perlu melaporkan pendapatan beliau dalam BNCP – Borang BT untuk TT 2025 sehingga TT 2028 (baki tempoh insentif PKP).

9. Memilih Keluar daripada Insentif PKP

Sekiranya individu yang diluluskan merasakan dia tidak lagi menikmati penjimatan cukai di bawah insentif PKP, beliau boleh memilih untuk berhenti daripada menikmati kadar cukai rata 15% pada bila-bila masa sepanjang tempoh insentif yang telah ditetapkan. Kelulusan insentif tersebut dianggap terbatal mulai tahun taksiran pemilihan pemberhentian tersebut dibuat.

Contoh 19

Fakta adalah sama seperti di Contoh 3, 5 dan 18 kecuali pada tahun 2025 disebabkan oleh kegawatan ekonomi global, Dr. Azlisham mendapati pendapatan penggajian beliau hanya mencecah RM100,000. Oleh itu, beliau membuat keputusan untuk keluar daripada insentif PKP bermula TT 2025. Beliau tidak boleh lagi menikmati insentif PKP ini pada masa akan datang. Mulai TT 2025, beliau perlu melaporkan pendapatan beliau menggunakan BNCP BE/B. Beliau juga perlu memaklumkan secara bertulis kepada majikan beliau dan juga pihak LHDNM hasrat beliau ini bagi tujuan rekod dan potongan PCB pada kadar skala.

10. Menamatkan Penggajian di Malaysia

Hasrat insentif PKP adalah untuk menggalakkan pakar kembali dan terus menetap di Malaysia. Walau bagaimanapun, mungkin timbul keadaan di mana:

- (a) Seorang individu berhenti bekerja kerana berpindah ke negara lain sebelum tamat tempoh insentif; atau
- (b) Seorang individu ditukarkan ke negara lain oleh majikan untuk bekerja di pejabat di luar Malaysia.

Dalam kedua-dua keadaan ini, pemakaian kadar cukai rata 15% akan tamat dengan penamatan penggajian di Malaysia kerana beliau tidak lagi bermastautin di Malaysia. Insentif cukai yang telah dituntut sepanjang tempoh beliau bekerja dan menetap di Malaysia tidak akan ditarik balik. Hal ini adalah selaras dengan hasrat insentif PKP di mana seorang pakar perlu bekerja di negara ini untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi Malaysia.

Contoh 20

Cik Delisha, seorang ahli geologi dalam industri minyak dan gas, kembali ke Malaysia pada 1/11/2023 selepas mendapat kelulusan di bawah PKP untuk tempoh 5 tahun bermula dari TT 2024 hingga TT2028. Beliau mula bekerja pada 1/1/2024 dengan Cendana Petroleum Berhad. Pada 1/1/2025, majikannya telah mengarahkan beliau ke Emiriah Arab Bersatu (UAE) selama 2 tahun untuk menguruskan projek usahasama dengan rakan niaga di UAE. Cik Delisha kembali ke Malaysia pada 1/1/2027 selepas projek tersebut selesai.

Cik Delisha tidak lagi layak untuk menikmati insentif cukai PKP dari TT 2025 hingga 2026 kerana dia tidak tinggal dan bekerja di Malaysia seperti yang dikehendaki di bawah insentif PKP ini. Kelulusan PKP tidak lagi sah berkuat kuasa mulai 1/1/2025.

11. Pindaan dan Pengemaskinian

	Pindaan						
KU ini menggantikan KU No. 2/2018 bertarikh 2 Mei 2018.	Kandungan KU ini telah dipinda seperti berikut:						
	<table><tr><td>Tambahan/Contoh</td><td>Penerangan</td></tr><tr><td>Perenggan 4.3</td><td>Mengemas kini portal khusus yang disediakan bagi permohonan PKP.</td></tr><tr><td>Perenggan 5.1(b)</td><td>Mengemas kini lanjutan tempoh permohonan melalui P.U.(A) 45/2024.</td></tr></table>	Tambahan/Contoh	Penerangan	Perenggan 4.3	Mengemas kini portal khusus yang disediakan bagi permohonan PKP.	Perenggan 5.1(b)	Mengemas kini lanjutan tempoh permohonan melalui P.U.(A) 45/2024.
	Tambahan/Contoh	Penerangan					
	Perenggan 4.3	Mengemas kini portal khusus yang disediakan bagi permohonan PKP.					
Perenggan 5.1(b)	Mengemas kini lanjutan tempoh permohonan melalui P.U.(A) 45/2024.						

	Contoh 5	Mengemas kini jumlah pelepasan terkini dan kadar cukai TT 2024.
	Contoh 6	Mengemas kini jumlah pelepasan terkini dan kadar cukai TT 2024.
	Perenggan 6.8	Memasukkan perenggan baharu bagi individu yang diluluskan PKP menubuhkan syarikat dan bertindak sebagai pengarah syarikat.
	Contoh 11	Memasukkan contoh baharu bagi menjelaskan keadaan di perenggan 6.8.

12. Penafian

Contoh di dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**